



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**INSIDEN PESAKIT DITIKAM DI
JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA HOSPITAL SELAYANG**

Dukacita dimaklumkan telah berlaku satu insiden yang tidak diingini di Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Selayang pada jam 3 petang, 14 Febuari 2023 dimana seorang pesakit lelaki yang mendapatkan rawatan telah ditikam oleh seorang pesakit yang lain.

Kejadian berlaku terlalu pantas dan jururawat serta pegawai perubatan yang berada di Jabatan berkenaan telah mengambil tindakan segera menahan lelaki tersebut serta diserahkan kepada pihak polis dan dirawat sewajarnya.

Mangsa tikaman segera diberikan rawatan kecemasan dan selanjutnya telah menjalani pembedahan dengan kadar segera. Kini, pesakit dalam keadaan sedar dan stabil selepas pembedahan di bawah pemerhatian Unit Rawatan Rapi di Hospital Selayang.

Laporan polis telah dibuat oleh pegawai perubatan yang menyaksikan kejadian tersebut dan kes masih dalam siasatan polis untuk tindakan selanjutnya.

**DATO' INDERA DR. SHA'ARI BIN NGADIMAN
PENGARAH KESIHATAN NEGERI SELANGOR**